

TAHAP PERSEPSI PENERIMAAN MURID MENENGAH RENDAH DAN ATAS TERHADAP PROSES PENGKAJIAN SEJARAH MELALUI PENGGUNAAN KOLEKSI SUMBER-SUMBER SEJARAH

LEVEL OF LOWER AND UPPER SECONDARY SCHOOLS STUDENTS ACCEPTANCE PERCEPTION TOWARD DOING HISTORICAL RESEARCH USING COLLECTION OF HISTORICAL SOURCES

M.Kaviza

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia.

Accepted date: 18-11-2018

Published date: 11-03-2019

To cite this document: Kaviza, M. (2019). Tahap Persepsi Penerimaan Murid Menengah dan Atas Terhadap Proses Pengkajian Sejarah Melalui Penggunaan Koleksi Sumber-sumber Sejarah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (24), 01-08.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap persepsi penerimaan terhadap proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid menengah rendah dan menengah atas. Kajian ini berbentuk tinjauan secara deskriptif yang menggunakan soal selidik yang telah disahkan oleh pakar penilai dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik. Teknik persampelan rawak mudah telah digunakan dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap persepsi penerimaan dalam kalangan murid menengah rendah dan menengah atas terhadap proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah berada pada tahap sederhana. Selain itu, tahap persepsi penerimaan murid menengah atas terhadap proses pengkajian sejarah adalah lebih tinggi berbanding dengan murid menengah rendah. Implikasi kajian ini mencadangkan bahawa guru-guru sejarah perlu melaksanakan proses pengkajian sejarah dengan menggunakan koleksi sumber-sumber sejarah dengan lebih intensif di dalam kelas.

Kata Kunci: Proses Pengkajian Sejarah, Penggunaan Koleksi Sumber-Sumber Sejarah, Tahap Persepsi Penerimaan, Murid Menengah Rendah dan Atas

Abstract: The purpose of this study is to examine the level of acceptance perception of doing historical research using collection of historical resources among lower and upper secondary school students. The design of this study is a descriptive survey method and using questionnaire as research instruments which has to be verified by the content experts and have a good reliability value. Simple random sampling techniques have been used in this study. The findings of this study indicate that the level of acceptance perception of doing historical research using collection of historical resources among lower and upper secondary schools students at the

moderate level. Therefore, the upper secondary schools students showed higher acceptance compared to lower secondary schools students. Therefore, the findings of this study can help the history teacher to plan more interesting and meaningful historical research using collection of historical resources in the classroom.

Keywords: *Historical Research, Historical Resources, Level of Acceptance Perceptions, Lower and Upper Secondary Schools Students*

Pengenalan

Sistem pendidikan sejarah di Malaysia telah melalui pelbagai perubahan mengikut arus pendidikan sejarah pada peringkat global selaras dengan perkembangan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan kemahiran berfikir aras tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2015). Sehubungan dengan itu, mata pelajaran sejarah telah dinaikkan taraf sebagai mata pelajaran teras yang wajib lulus pada peringkat Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2013 setanding dengan kedudukan mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai syarat pensijilan. Tidak dinafikan bahawa mata pelajaran mempunyai struktur disiplin yang tersendiri yang melibatkan aspek inkuiri sejarah, pengumpulan sumber, kemahiran pemikiran sejarah, penjelasan sejarah, pemahaman sejarah dan empati (Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), 2003; 2015) yang menggalakkan proses pengkajian sejarah dengan meneroka kebenaran dan kesahihan sesuatu peristiwa sejarah yang telah berlaku dengan menggunakan koleksi sumber-sumber sejarah. Bertitik tolak kepada struktur disiplin ini, proses pengkajian sejarah telah direkabentuk dalam kurikulum sejarah yang memerlukan murid-murid menyiasat sesuatu peristiwa sejarah dengan lebih mendalam melalui pelaksanaan kerja kursus dalam Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan pelaksanaan peperiksaan Kertas Tiga dalam Peperiksaan SPM bagi Mata Pelajaran Sejarah yang dilaksanakan secara berterusan bagi menyediakan pengalaman kepada murid untuk membuat pentafsiran sejarah (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2017).

Latar Belakang Kajian

Sumber-sumber sejarah merupakan bahan-bahan yang bertulis yang menyediakan maklumat tentang sesuatu peristiwa sejarah yang digunakan sebagai bahan bukti dalam membuat pentafsiran sejarah (Suntharalingam, 1985; Hazri Jamil, 2003). Sumber-sumber sejarah terdiri daripada sumber primer dan sumber sekunder seperti laporan, surat, majalah, buku sejarah, manuskrip, rekod, dan sebagainya yang boleh didapati dalam bentuk bercetak mahupun dalam bentuk digital (Brown & Dotson, 2007; Hazri Jamil, 2003). Melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah, murid-murid dapat menganalisis dan membuat interpretasi terhadap sesuatu peristiwa sejarah atau sesuatu isu sejarah bagi memupuk dan memperkukuhkan identiti diri serta semangat setia negara seperti yang disarankan dalam matlamat kurikulum sejarah (PPK, 2015). Di samping itu, proses pengkajian sejarah dengan menggunakan pelbagai koleksi sumber-sumber sejarah dapat membentuk murid untuk memainkan peranan sebagai seorang ahli sejarawan dalam membuat proses penaakulan kritis dan rasional (Cowgill II & Waring, 2017; Johansson, 2017; Patterson, Lucas & Kithinji, 2012).

Pernyataan Masalah

Oleh kerana proses pengkajian sejarah telahpun dilaksanakan dalam kurikulum sejarah, namun tahap persepsi penerimaan terhadap proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah masih belum diketahui dalam kalangan murid sama ada pada peringkat menengah rendah mahupun pada peringkat menengah atas. Hal ini kerana murid-murid dikehendaki menjalankan kajian dengan meneroka koleksi sumber-sumber sejarah yang lain

selain daripada penggunaan buku teks yang memerlukan murid-murid lebih peka dan mahir untuk menganalisis bahan-bahan tersebut (Barton & Levistik, 2003; Nokes, Doles & Hacker, 2014). Proses pengkajian sejarah yang melibatkan pelbagai jenis sumber-sumber sejarah merupakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang baru dan kebanyakan murid-murid berkemungkinan mendapati proses pengkajian sejarah merupakan sesuatu yang amat rumit dan sukar untuk dilakukan (Getman-Eraso & Culkin, 2017), murid-murid juga beranggapan bahawa mereka tidak mampu dan berkebolehan untuk menjalankan proses pengkajian sejarah tersebut secara mendalam (Reisman & Fogo, 2016; Nokes, 2014) dan murid juga berpendapat bahawa mereka lebih selesa dengan proses penghafalan maklumat sejarah melalui penggunaan buku teks sebagai kaedah pengajaran sejarah sedia ada (Fitzgerald, 2009; Ramoroka & Engelbrecht, 2015; Tarmen & Kuran, 2015). Maka, dalam kajian ini, pengkaji mendapati terdapat satu keperluan untuk meninjau tahap persepsi penerimaan terhadap proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid menengah rendah dan murid menengah atas.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap persepsi penerimaan terhadap proses pengkajian sejarah melalui sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid menengah rendah dan menengah atas.

Soalan Kajian

Soalan kajian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap persepsi penerimaan terhadap proses pengkajian sejarah melalui sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid menengah rendah?
2. Apakah tahap persepsi penerimaan terhadap proses pengkajian sejarah melalui sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid menengah atas?

Metodologi Kajian

Kajian berbentuk tinjauan secara deskriptif ini melibatkan populasi murid menengah rendah iaitu murid Tingkatan Tiga yang menjalankan kerja kursus sejarah dalam Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan populasi murid Tingkatan Lima yang menjalankan pengkajian sejarah melalui peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Mata Pelajaran Sejarah Kertas Tiga. Seramai 346 orang murid Tingkatan Tiga dan 341 orang murid Tingkatan Lima dari sekolah menengah harian yang dipilih melalui teknik persampelan rawak mudah-berstrata daripada sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia telah dijadikan sampel kajian ini. Pengkaji telah mendapatkan data bilangan murid daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri tersebut bagi menentukan jumlah saiz minima sampel kajian yang diperlukan dalam kajian ini agar dapatan kajian ini dapat digeneralisasikan kepada populasi murid yang dikaji (Krejcie & Morgan, (1970). Instrumen kajian ini adalah soal selidik yang terdiri daripada 20 item yang telah diadaptasi daripada kajian Nurliah Jair, (2008) yang telah disahkan oleh dua orang pakar penilai dalam bidang pendidikan sejarah serta mempunyai nilai kebolehpercayaan (*Cronbach Alfa* = 0.81) yang baik dan diterima untuk tujuan kajian ini (Nunnally, 1978). Data statistik deskriptif dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian *IBM SPSS* versi 24. Interpretasi skor min dan tahap persepsi penerimaan dilakukan berdasarkan adaptasi daripada kajian Jamil Ahmad, (2002) seperti ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min dan Tahap Persepsi Penerimaan

Skor Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Jamil Ahmad, (2002)

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Bahagian ini membincangkan dapatan dan perbincangan kajian ini berdasarkan dua soalan kajian yang dinyatakan.

Soalan Kajian 1

Berdasarkan Jadual 2, skor min persepsi penerimaan terhadap proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah ($M=3.38$, $SD=0.81$) dalam kalangan murid menengah rendah berada pada tahap sederhana. Selain itu, kesemua item dalam persepsi penerimaan terhadap proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah dalam kajian ini berada pada tahap sederhana. Sungguhpun begitu, item “Saya lebih mudah untuk memahami sesuatu peristiwa sejarah melalui proses pengkajian sejarah dengan menggunakan koleksi sumber-sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah” menunjukkan skor min yang tertinggi ($M=3.62$, $SD=1.02$), diikuti dengan item “Saya suka mengikuti pembelajaran mata pelajaran sejarah melalui proses pengkajian sejarah dengan menggunakan koleksi sumber-sumber sejarah” ($M=3.59$, $SD=1.16$) dan item “Proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah membuatkan saya lebih ingin belajar dalam mata pelajaran sejarah” ($M=3.58$, $SD=1.09$). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa tahap persepsi penerimaan yang sederhana terhadap proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid menengah rendah. Hasil dapatan kajian ini selaras dengan kajian Nokes, (2014) yang mendapati murid-murid di sekolah menengah mempamerkan sikap yang positif terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam mata pelajaran sejarah. Tambahan pula, hasil kajian ini adalah selari dengan pendapat VanSledright dan Kelly, (1998) yang melaporkan murid prasekolah mampu dan berkebolehan untuk menganalisis dan mentafsir sumber-sumber sejarah bagi memahami sesuatu peristiwa sejarah dengan lebih baik. Maka, proses pengkajian sejarah dengan menggunakan koleksi sumber-sumber sejarah adalah berpotensi dilaksanakan dalam kalangan murid-murid menengah rendah iaitu dari Tingkatan Satu hingga ke Tingkatan Tiga.

Jadual 2: Tahap Persepsi Penerimaan Terhadap Proses Pengkajian Sejarah Melalui Sumber-Sumber Dokumen Sejarah dalam Kalangan Murid Menengah Rendah

Bil	Item	Skor min	SD	Tahap
1	Proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah membuatkan saya lebih ingin belajar dalam mata pelajaran sejarah	3.58	1.16	Sederhana
2	Saya suka mengikuti pembelajaran mata pelajaran sejarah melalui proses pengkajian sejarah dengan menggunakan koleksi sumber-sumber sejarah	3.59	1.09	Sederhana
3	Pembelajaran mata pelajaran sejarah melalui proses pengkajian sejarah dengan menggunakan koleksi sumber-sumber sejarah amat menyeronokkan, mudah dan realistik	3.48	1.15	Sederhana

4	Saya dapat meningkatkan pemahaman sejarah dalam mata pelajaran sejarah melalui proses pengkajian sejarah dengan menggunakan koleksi sumber-sumber sejarah	3.20	1.17	Sederhana
5	Saya suka melakukan proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah	3.49	1.13	Sederhana
6	Saya lebih mudah untuk memahami sesuatu peristiwa sejarah melalui proses pengkajian sejarah dengan menggunakan koleksi sumber-sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah	3.62	1.02	Sederhana
7	Proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah di dalam kelas menjadi lebih berkesan	3.15	1.03	Sederhana
8	Proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah amat berguna dalam proses pembelajaran mata pelajaran sejarah	3.39	1.11	Sederhana
9	Proses pengkajian sejarah melalui penggunaan sumber-sumber sejarah berupaya meningkatkan kemahiran mentafsir dengan lebih baik	2.91	1.10	Sederhana
10	Proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah memudahkan proses pembelajaran mata pelajaran sejarah	3.38	1.00	Sederhana
Jumlah		3.38	0.81	Sederhana

Soalan Kajian 2

Berdasarkan Jadual 3, skor min persepsi penerimaan terhadap proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah ($M=3.48$, $SD=0.74$) dalam kalangan murid menengah atas berada pada tahap sederhana. Selain itu, kesemua item dalam persepsi penerimaan terhadap proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah dalam kajian ini berada antara tahap sederhana hingga tinggi. Sungguhpun begitu, terdapat empat item dalam persepsi penerimaan dalam kalangan murid menengah atas terhadap proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah ini berada pada tahap tinggi iaitu bagi item “Saya suka melakukan proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah” ($M=3.80$, $SD=1.07$), “Saya lebih mudah untuk memahami sesuatu peristiwa sejarah melalui proses pengkajian sejarah dengan menggunakan koleksi sumber-sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah” ($M=3.75$, $SD=1.11$), item “Proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah di dalam kelas menjadi lebih berkesan” ($M=3.876$, $SD=1.10$) dan item “Proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah amat berguna dalam proses pembelajaran mata pelajaran sejarah” ($M=3.83$, $SD=1.07$). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa tahap persepsi penerimaan yang sederhana terhadap proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid menengah atas. Hasil dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian Hover, Hicks dan Dack, (2016) yang menjelaskan kepentingan dan manfaat pengintegrasian penggunaan sumber-sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di dalam kelas yang berupaya untuk meningkatkan pemahaman dan pemikiran sejarah yang lebih dalam kalangan murid. Pendapat

ini adalah konsisten dengan kajian Tally dan Goldenberg, (2005) yang menjelaskan kemahiran pemikiran sejarah dapat dipertingkatkan dengan menggunakan koleksi sumber-sumber sejarah digital dalam kalangan murid. Penekanan kepada aspek pemahaman dan pemikiran adalah selaras dengan saranan dalam kurikulum sejarah. Maka proses pengkajian sejarah perlu digalakkan dalam kalangan murid sekolah menengah pada semua peringkat agar matlamat kurikulum sejarah yang ditetapkan dapat dicapai dengan lebih baik.

Jadual 3: Tahap Persepsi Penerimaan Terhadap Proses Pengkajian Sejarah Melalui Sumber-Sumber Dokumen Sejarah dalam Kalangan Murid Menengah Atas

Bil	Item	Skor min	SD	Tahap
1	Proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah membuatkan saya lebih ingin belajar dalam mata pelajaran sejarah	3.07	1.08	Sederhana
2	Saya suka mengikuti pembelajaran mata pelajaran sejarah melalui proses pengkajian sejarah dengan menggunakan koleksi sumber-sumber sejarah	3.65	1.10	Sederhana
3	Pembelajaran mata pelajaran sejarah melalui proses pengkajian sejarah dengan menggunakan koleksi sumber-sumber sejarah amat menyeronokkan, mudah dan realistik	3.17	1.04	Sederhana
4	Saya dapat meningkatkan pemahaman sejarah dalam mata pelajaran sejarah melalui proses pengkajian sejarah dengan menggunakan koleksi sumber-sumber sejarah	3.53	1.07	Sederhana
5	Saya suka melakukan proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah	3.80	1.07	Tinggi
6	Saya lebih mudah untuk memahami sesuatu peristiwa sejarah melalui proses pengkajian sejarah dengan menggunakan koleksi sumber-sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah	3.75	1.11	Tinggi
7	Proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah di dalam kelas menjadi lebih berkesan	3.76	1.10	Tinggi
8	Proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah amat berguna dalam proses pembelajaran mata pelajaran sejarah	3.83	1.07	Tinggi
9	Proses pengkajian sejarah melalui penggunaan sumber-sumber sejarah berupaya meningkatkan kemahiran mentafsir dengan lebih baik	3.28	1.05	Sederhana
10	Proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah memudahkan proses pembelajaran mata pelajaran sejarah	3.53	1.01	Sederhana
Jumlah		3.48	0.74	Sederhana

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa tahap persepsi penerimaan murid menengah rendah dan murid menengah atas terhadap proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah berada pada tahap sederhana. Sungguhpun begitu, tahap persepsi penerimaan murid menengah atas adalah lebih tinggi berbanding dengan murid menengah rendah terhadap proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah. Hal ini kerana murid Tingkatan Tiga tidak berpengalaman dalam menjalankan pengkajian sejarah disebabkan mereka hanya didedahkan semasa pelaksanaan kerja kursus PT3, sebaliknya bagi murid Tingkatan Lima pula mereka perlu menjalankan pengkajian sejarah bagi memastikan mereka dapat lulus dalam peperiksaan Kertas 3 secara berterusan daripada Tingkatan Empat. Implikasi kajian ini mencadangkan bahawa semua murid perlu didedahkan dengan proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah sejak dari Tingkatan satu secara berterusan. Justeru, guru-guru sejarah perlu merancang pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah yang menarik yang melibatkan penggunaan sumber-sumber sejarah sebagai langkah awal untuk memperkenalkan proses analisis dan pentafsiran sejarah dapat dilakukan dengan mendalam secara berperingkat-peringkat. Hal ini dapat mengubah persepsi penerimaan murid yang lebih baik terhadap pelaksanaan proses pengkajian sejarah melalui penggunaan koleksi sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid di sekolah menengah yang dapat meningkatkan minat untuk belajar sejarah secara tidak langsung.

Rujukan

- Barton, K.C., & Levistik, L.S. (2003). Why don't more history teachers engage students in interpretation? *Social Education*, 67(6), 358-358.
- Brown, C.A., & Dotson, K. (2007). A Case Study Using Digital Primary Source Documents. *TechTrends*, 51(3), 30-37.
- Cowgill II, D.A., & Waring, S.M. (2017). Historical Thinking: An Evaluation of Student and Teacher Ability to Analyze Sources. *Journal of Social Studies Education Research*. 8(1), 115-145.
- Fitzgerald, J.C. (2009). Textbooks and Primary Source Analysis. *Social Studies Research and Practice*, 4(8), 37-43.
- Getman-Eraso, J., & Culkin, K. (2017). Close Reading: Engaging and Empowering History Students through Document Analysis on e-Portfolio. *International Journal of e-Portfolio*, 7(1), 29-42.
- Hazri Jamil. (2003). *Teknik mengajar Sejarah*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hover, S.V., Hicks, D., & Dack, H. (2016). From Source to Evidence? Teachers' Use of Historical Sources in Their Classrooms. *The Social studies*, 107(6), 209-217.
- Jamil Ahmad. (2002). Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian. Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johansson, P. (2017). Learning study as a clinical research practice to generate knowledge about the learning of historical primary source analysis. *Educational Action Research*, 25(1), 167-181.
- Krejcie, V.R., & Morgan, W.D. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. *Educational and Psychologist Measurement*. Duluth: University of Minnesota.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia, (2017). Laporan Analisis Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Nokes, J.D. (2014). Elementary students' Roles and Epistemic Stances during Document Based History Lessons. *Theory & Research in Social Education*, 42, 375-413.
- Nokes, J.D., Dole, J.A., & Hacker, D.J. (2007). Teaching High School Students to Use Heuristics While Reading Historical Texts. *Journal of Educational Psychology*, 4(9), 1-13.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometric Theory* (2nd Ed). New York: McGraw Hill.
- Nurliah Jair. (2008). Penggunaan Peta Konsep Terhadap Peningkatan Mata Pelajaran Sejarah Dalam Kalangan Murid Tingkatan Dua. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patterson, N.C., Lucas, A.G., & Kithinji, M. (2012). Higher Order Thinking in Social Studies: An analysis of Primary Source Document Use. *Social studies Research and Practice*, 7(2), 68-85.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2015) *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Satu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). Huraian Sukatan Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ramoroka, D., & Engelbrecht, A. (2015). The Role of History Textbooks in Promoting Historical Thinking in South African Classrooms. *Yesterday & Today*, 14, 99-124.
- Reisman, A. (2012). The "Document-Based Lesson": Bringing Disciplinary inquiry into high school history classrooms with adolescent struggling readers. *Journal of Curriculum Studies*, 44(2), 233-264.
- Reisman, A., & Fogo, B. (2016). Contributions of Educative document based curricular materials to quality of historical instruction. *Teaching and Teacher Education*, 59, 191-202.
- Suntharalingam. (1985). *Pengenalan Kepada Sejarah*. Kuala Lumpur: Marican & Sons (M). Sdn Bhd
- Tally, B., & Goldenberg, L.B. (2005). Fostering Historical Thinking with Digitized Primary Resources. *Journal of Research on Technology in Education*, 38(1), 1-21
- Tarman, B., & Kuran, B. (2015). Examination of the Cognitive Level of Questions in Social Studies Textbook and the Views of teachers Based on Bloom Taxonomy. *Educational Sciences: Theory & Practice*, 15(1), 213-222.
- VanSledright, B.A., & Kelly, C. (1998). Reading American History: The Influence of Multiple Sources on Six Fifth Graders. *The Elementary School Journal*, 98(3), 239-265.